

Teroka sendiri peluang kerja

Baginya bidang teknologi maklumat mampu menjadi platform terbaik untuk memulakan sebuah perniagaan, asalkan graduan IT itu memiliki kreativiti dan kesungguhan.

Oleh AHMAD SYUKRAN ZAINUDDIN
syukran@kosmo.com.my

KESUSAHAN hidup dan terpaksa mengayuh basikal sejauh 20 kilometer sehari untuk pergi ke sekolah membuatnya menjadi seorang lelaki yang cekal menempuh dugaan. Beliau cukup percaya, pendidikan mampu mengubah nasib diri dan keluarganya. Anak kelahiran Kampung Chendering, Kuala Terengganu ini serius wajahnya. Tetapi empunya nama, Profesor Dr. Abdullah Embong yang lebih dikenali sebagai Prof. A.E ini bukanlah garang orangnya.

Pensyarah dari Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP) ini juga tidak kekok atau kedekut berkongsi kisah hidupnya yang sudah lebih 20 tahun menjadi tenaga pengajar.

Latar belakang pendidikan tinggi beliau bermula di Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim di Johor Bahru, selama dua tahun. Tamat pengajian, beliau memulakan kerjaya sebagai guru Sains dan Matematik di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin di Kuala Terengganu selama dua setengah tahun.

Abdullah kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Malaysia (USM) dalam jurusan Matematik dan bekerja di Kementerian Pendidikan selepas itu. Bagaimana pula Abdullah boleh 'melencong' ke bidang teknologi maklumat?

"Ketika masih belajar di USM, bidang ICT boleh dikatakan masih baru diperkenalkan di Malaysia. Walaupun ambil jurusan Matematik, sebahagian besar mata pelajarannya melibatkan komputer dan IT. Saya fikir, dari situlah minat terhadap sains komputer berkembang.

"Secara asasnya, minat saya ialah mengajar. Saya memilih bidang IT kerana matematik terlalu teoritikal. Sedangkan dalam IT ada peluang untuk mencipta sesuatu program pengaturcaraan yang menepati cita rasa dan hasilkan produk sendiri.

"Minat itulah yang membawa saya ke Amerika Syarikat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana. Kembali ke tanah air, saya diterima bekerja sebagai pensyarah IT di USM, sebelum sambung belajar ke peringkat kedoktoran di United Kingdom," kata bapa kepada tujuh orang anak ini sambil tersenyum.

Selaku orang lama dalam bidang ini, Abdullah menyifatkan sistem maklumat sebagai satu bidang yang terus berkembang dengan pesat, memandangkan boleh dikatakan semua aktiviti pekerjaan, terutamanya perniagaan melibatkan IT.

Beliau berpendapat, IT boleh diklasifikasikan sebagai satu teknologi yang berupaya berkembang secara sendiri. Jika dilihat dalam pelan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), peranannya cukup besar. Justeru, tidak timbul masalah dari segi sumbangan pakar IT dan ICT dalam

pembangunan negara.

"Sebenarnya, bidang IT mengalami perkembangan cukup pesat dalam tahun 1970 dan 1980-an. Kemudian ia sedikit jatuh pada zaman ekonomi kurang memberangsangkan sekitar awal tahun 1990-an.

"Pada masa itu, isunya graduan IT sudah terlalu ramai dan industri dikatakan telah tepu. Tetapi pada pandangan saya, graduan IT harus bijak mencari bidang baru dan tidak terlalu bergantung dengan pekerjaan di sektor kerajaan atau swasta. Mereka perlu lebih kreatif dan berani mengorak langkah untuk mencipta peluang pekerjaan sendiri," jelasnya serius.

Menurutnya lagi, masalah tepu di dalam industri tersebut sepatutnya tidak timbul. Untuk menangani masalah ketiadaan kerja di kalangan graduan IT, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia Malaysia (KUKTEM) menerusi FSKKP ada menawarkan subjek melibatkan keusahawanan.

Subjek ini berperanan mengajar para pelajar serba sedikit mengenai bagaimana untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan, selain mereka perlu melaksanakan latihan industri selama satu semester.

"Jika kita lihat, ada sebahagian kecil graduan telah menceburi bidang perniagaan yang berkaitan dengan IT. Seharusnya lebih ramai gaduan bumiputera yang berani tampil untuk membina industri ini menerusi perniagaan sendiri.

"Misalnya, mereka boleh buka



PROFESOR DR. ABDULLAH EMBONG

perniagaan yang melibatkan pembinaan perisian (*software*) untuk dijual, buka *software house*. Salah satu bidang yang sedang rancang membangun sekarang ialah dalam bidang grafik. Secara tidak langsung mereka boleh terlibat dalam pembikinan filem atau produksi yang lain," jelasnya yang mengakui gemar berjoging serta bermain badminton dan ping pong untuk kekal cergas.

Biarpun telah lama mengajar, Abdullah tidak menafikan bahawa cabaran yang

terpaksa beliau hadapi sebagai seorang pensyarah IT ialah perlunya sentiasa peka dengan perkembangan teknologi terkini.

Pensyarah juga perlu sentiasa membuat penyelidikan supaya dapat meneroka bidang baru dalam bidang IT. Cabaran kedua ialah bagaimana untuk memberi motivasi kepada pelajar agar mereka dapat melihat bidang ini sebagai mempunyai masa depan yang cukup cerah.

"Terutamanya pelajar bumiputera, mereka mesti lebih rajin belajar. Bidang IT amat luas, jadi mereka perlu tanya kepada diri sendiri bidang yang diminati. Dalam IT, ada bidang kejuruteraan pengaturcaraan, grafik, perangkaian dan sebagainya.

"Masalah mungkin timbul kerana ramai juga pelajar yang masuk ke dalam bidang IT, sedangkan pada peringkat awalnya mereka tidak memilih bidang ini. Maka, menjadi tanggungjawab pensyarah untuk menerangkan kepada mereka dari aspek skopnya atau bidang utamanya," katanya yang meminati genre muzik nasyid kontemporari dan filem aksi.

Abdullah menyatakan, salah satu kepuasan menjadi salah seorang tenaga pengajar di KUKTEM ialah ia sebuah universiti teknikal. Justeru, penekanan lebih kepada aspek kemahiran dan graduan KUKTEM lazimnya memiliki kemahiran yang tinggi dalam IT.

"Selain pengajaran teori, kami tekankan kepada segi praktikal di makmal. Usia KUKTEM masih muda, masih banyak yang perlu ditambah baik. Majoriti tenaga pengajarnya juga baru dan jumlahnya tidak ramai," katanya lagi.



KOMITED untuk berkongsi pengalaman dengan para tenaga pengajar muda.